

Dokter yang Agung



Adakah **virus corona** adalah bahaya yang paling buruk pernah kita hadapi atau terdapat masalah yang lebih merbahaya?

Siapakah yang akan **menyelamatkan** kita daripada bahaya ini?



Siapakah yang akan menyelamatkan kita daripada bahaya ini?

Kita juga mempunyai banyak persoalan, dan tidak tahu jawapannya pun boleh menyebabkan ketakutan. Adakah Allah berhenti mengasihi kita? Adakah Allah marah kepada kita? Adakah ini kesudahan dunia? Tidak salah untuk bertanya, tetapi kita harus kembali kepada Alkitab untuk mendapatkan jawapan kita.

Kita perlu mendengar apa yang Allah katakan.

Yohanes 3:16 mengatakan **“Allah begitu mengasihi dunia”**– semua manusia dalam dunia ini tidak kira apa pun bahasa mereka, di mana pun mereka tinggal atau apa pun warna kulit mereka. **Allah mengasihi kita semua kerana Dia yang menciptakan kita.**



Walaupun virus corona memisahkan kita daripada orang yang kita kasihi, dosa jauh lebih buruk kerana memisahkan kita daripada Allah – selama-lamanya.

Apabila kamu tidak mentaati ibu bapamu, memukul adikmu, berbohong, mencuri atau berfikir untuk melakukan sesuatu yang salah terhadap seseorang, itu adalah dosa. Sejak lahir kita berdosa dan kita tidak dapat menikmati keindahan hidup dalam Allah kerana Dia kudus – Dia tidak berfikir, berkata atau melakukan apa-apa yang salah. Kamu dan saya telah berdosa. **Alkitab berkata, “Tidak ada yang benar”.** Dosa memisahkan kamu daripada bersama Allah di syurga suatu hari nanti dan tidak dapat menjadi sahabat Allah buat masa ini. Dosa adalah masalah yang lebih buruk daripada sebarang penyakit.




A blue-tinted background featuring a microscope in the upper right and two red virus-like icons with spikes on the left and right sides.

Terdapat penyelesaian

Para doktor berusaha membuat vaksin dan ubat untuk membantu melawan virus. Bukan salah kamu jika kamu mendapat virus, tetapi kamu dilahirkan dengan masalah dosa. Allah telah memberi kita satu-satunya penawar untuk dosa kita dan itu adalah Yesus Kristus.

Semasa Yesus tinggal di bumi Dia mempunyai tubuh manusia seperti kita, tetapi Dia tetap Anak Allah. Semasa di bumi, Dia menyembuhkan banyak penyakit dan melakukan banyak mukjizat. Dia juga mengajar orang tentang Allah. Tujuan Dia datang ke dunia adalah memberi jalan bagi kita untuk mendapat pengampunan dosa. **Yesus rela dirinya dipaku di kayu salib, darah-Nya mengalir dan Dia mati kerana dosa kita. Dia mati, dikuburkan dan pada hari ketiga Dia bangkit daripada kematian. Sekarang Dia berada di syurga dan menyediakan tempat bagi setiap orang yang percaya kepada-Nya.**



Kamu boleh membersihkan tangan dengan sabun dan air atau gunakan pensanitasi namun ini tidak menjamin yang kamu tidak akan dijangkiti virus. Tetapi kamu dapat tahu dengan pasti bahawa Yesus membersihkan kamu daripada dosa ketika kamu percaya kepada-Nya sebagai satu-satunya Penyelamat.



Kisah Para Rasul 16:31 adalah janji daripada Tuhan yang mengatakan **“Percayalah kepada Tuhan Yesus, dan kamu akan diselamatkan.”** Sekiranya kamu yakin sepenuhnya bahawa Yesus telah menanggung hukuman kamu, dosa kamu akan diampuni.

Adakah kamu percaya kepada Yesus? Kamu dapat memberitahu Allah tentangnya dalam doa sekarang. Kamu boleh mengatakan sesuatu seperti ini:

“Saya tahu saya telah berdosa dan saya meminta ampun. Saya percaya Yesus telah mati disalibkan untuk mengampuni saya daripada dosa-dosa saya. Terima kasih kerana membersihkan saya daripada dosa saya.”

Apabila kamu percaya kepada Yesus, kamu tahu bahawa Tuhan tidak akan pernah meninggalkan kamu. Dia akan selalu bersama kamu dan menolong kamu (Ibrani 13: 5-6). Dia dapat menolong kamu menjadi kuat dan tidak takut dengan apa yang berlaku.

Para doktor memberi banyak nasihat kepada kita supaya tetap sihat. Allah juga memberi kita nasihat melalui firman-Nya dalam Alkitab. Apabila kamu percaya kepada Tuhan Yesus, pasti kamu mahu mengenal Dia dengan lebih lagi. **Kamu boleh mengenali-Nya dengan membaca Alkitab dan mentaati Firman-Nya.**



Kamu boleh bercakap dengan Allah dalam doa – bila-bila masa, di mana-mana dan tentang apa sahaja! Sebab Allah yang menciptamu dan sangat mengasihimu, Dia mendengar dan mahu menjawab doa kamu. Allah tahu apa yang kamu rasakan dan Dia berkata, **“Jangan takut.”** Ingatlah Dia menyertai kamu walaupun kamu tidak dapat melihat Dia.

Adakah kamu mempunyai rakan yang berasa takut? Mungkin kamu boleh menghantar mesej ini untuk menolong mereka juga.



Since 1937

CEF
CHILD EVANGELISM
FELLOWSHIP®
Reaching children worldwide

The Greatest Doctor, Bahasa Malaysia translation
© 2020 Child Evangelism Fellowship Inc. Hak Cipta Terpelihara.
Bukan untuk dijual semula. Ayat Alkitab dipetik daripada Alkitab Versi Borneo
© 2015, Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran.